



**SURAT AKU JANJI  
TAWARAN BANTUAN GERAN AGROPRENEUR MUDA**

Saya ..... No K/P: ..... dengan ini mengesahkan dan mengakui telah menerima bantuan Geran Agropreneur Muda dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada ..... dengan sesungguhnya memberi akujanji- akujanji seperti berikut:

1. Akan menggunakan sendiri barangan tersebut bagi tujuan meningkatkan pendapatan harian dan tidak akan mengguna barangan/ perkhidmatan tersebut selain dari kegunaanya di bawah Program Agropreneur Muda.
2. Akan menjaga barangan/ perkhidmatan tersebut mengikut cara-cara penjagaan yang disyorkan oleh pengeluar peralatan dan menanggung semua perbelanjaan untuk membaiki barangan tersebut.
3. Membenarkan pegawai pembimbing Jabatan/ Agensi/ MAFI memeriksa barangan/ perkhidmatan tersebut pada bila-bila masa.
4. Menyimpan dengan baik barangan dan dokumen mengenai barangan/ perkhidmatan tersebut dan membenarkan pegawai Jabatan/ Agensi/ MAFI menyemak dokumen tersebut pada bila-bila masa.
5. Tidak akan menjual, menyewa, memajak, menggadai atau melepaskan pemilikan ke atas barangan/ perkhidmatan tersebut kepada pihak lain dan membayar ganti rugi kepada MAFI sekiranya berlaku apa-apa tuntutan, denda, pampasan atau ganti rugi dari mana-mana pihak.
6. Akan membuat laporan polis dalam tempoh 48 jam dan memaklumkan kepada pegawai Jabatan/ Agensi segera sekiranya barangan tersebut hilang atau dicuri selepas pembekalan dibuat.
7. Akan membenarkan Jabatan/ Agensi/ MAFI mengambil tindakan yang sewajarnya dan tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan usahawan untuk menerima mana-mana bantuan daripada Jabatan/ Agensi di bawah MAFI jika barangan diterima tidak digunakan untuk pengeluaran produk yang ditetapkan.
8. Akan membenarkan peralatan saya diambil semula atau tindakan lain yang dipersetujui setelah diputuskan oleh jawatankuasa yang terbabit sekiranya projek telah ditamatkan (status projek gagal, atau projek tidak beroperasi atau saya tidak dapat dikesan).

Terima kasih.

**Akuan penerimaan:**

**Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan adalah benar.** Sekiranya saya mengemukakan sebarang butiran yang palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah Klausa 463 Kanun Keseksaan Malaysia [Akta 574] atau mana-mana peraturan lain yang berkuat kuasa.

.....  
 Nama :  
 No. K/P :  
 Tarikh :

**Pengakuan Saksi:**

.....  
*Tandatangan pegawai Jabatan/ Agensi  
 Daerah/ Negeri*

Nama :  
 Jawatan :  
 Cop rasmi :

Tarikh :